

### Maklumat Inovasi 2013

<b>Tajuk Inovasi</b>	<b>SISTEM E-FARMING DALAM TERNAKAN AYAM PENDAGING</b>
<b>Ketua Kumpulan</b>	Ng Choon Ngee
<b>Ahli Kumpulan</b>	-Tiada-
<b>Latarbelakang</b>	<p>Pada masa lalu, penternak perlu berada di ladang sepanjang masa operasi bagi menguruskan semua masalah yang timbul tanpa diduga dan ini mendatangkan kesukaran pada pihak pengurusan. Pengalaman dalam pengendalian operasi tidak membantu penternak untuk mengesan kesilapan yang mereka telah lakukan dan mereka sering melakukan kesilapan yang sama secara berulang. Oleh itu, kebanyakan ladang tidak dapat beroperasi secara konsisten. Kedudukan ladang yang jauh antara satu sama lain juga menyukarkan kerja-kerja perkhidmatan veterinary dan mengambil masa yang banyak bagi pemasangan kerja-kerja servis di ladang.</p>
<b>Ringkasan Inovasi</b>	<p>Dengan adanya perkhidmatan internet di Malaysia, syarikat kami telah mewujudkan satu sistem yang digelar E-Farming. Sistem E-Farming adalah sistem yang digunakan untuk merekod, mengawal dan membentuk pengurusan ladang yang lebih mampan dan konsisten. Sistem ini akan mengumpul data seperti suhu, pengambilan makanan dan minuman serta berat ayam tersebut. Data yang terkumpul akan dipaparkan pada sistem dengan penyambungan kepada internet. Pihak pengurusan boleh memantau operasi ladang setiap waktu tidak kira dimana sahaja. Selain itu, pengurus ladang boleh menukar tetapan operasi sekiranya terdapat sebarang masalah dikesan tanpa perlu pergi ke ladang. Sistem ini juga membolehkan pihak pengurusan berkongsi keadaan semasa ayam bersama dengan doktor veterinar. Hanya gambar operasi ladang perlu diambil dan diemel kepada mereka dan seterusnya khidmat nasihat dapat diberikan tanpa perlu datang ke ladang. Sistem E-Farming telah berjaya meningkatkan hasil penternakan dan mewujudkan sistem pengurusan ladang yang lebih mudah.</p>
<b>Faedah Inovasi</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan pencapaian ladang dengan pengurangan Feed Conversion Ratio (FCR)</li> <li>2. Mewujudkan pengurusan ladang yang lebih teratur dan konsisten</li> <li>3. Pemantauan ladang boleh dibuat dari jauh pada bila-bila masa</li> </ol>
<b>Maklumat Lanjut</b>	<p>Nama : Ng Choon Ngee          Alamat : 5629, Rumah Murah, Jalan Kolam Air, 78000 Alor Gajah, Melaka          No. Tel : 06-556 1805</p>

No. HP : 012-6819805  
Email : jeffreyngcn@yahoo.com

**Gambar Produk Inovasi**



E-farming : Server



E-Farming : Sistem Kawalan



Masalah di ladang direkod